

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (35)  
Tarikh : 27 Februari 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN BERKENAAN PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN iGFMAS BAGI TAHUN 2025 DAN PENGHANTARAN DATA C.P.8D KE LHDN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Penyata Pendapatan Tahunan (EC *Form*) iGFMAS bagi tahun 2025 telah dijana dan dimuat naik ke sistem ePenyata Gaji Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan penerangan kepada EC *Form* iGFMAS:

**A. Butiran Pekerja**

Nama, Jabatan, No. Gaji, No. Kad Pengenalan.

**B. Pendapatan Penggajian Dan Manfaat**

**B.1. Gaji/ Emolumen**

- i. Termasuk gaji dan elaun yang dikenakan cukai;
- ii. Termasuk elaun bercukai yang dibayar melalui Portal (Modul AP iGFMAS);
- iii. Ditolak kutipan balik gaji/ elaun yang dikenakan cukai (*wagetype* 4017 - Bayaran Balik Gaji Tahun Semasa dan *wagetype* 4012 - Bayaran Balik Elaun Tahun Semasa).

**B.2. Butiran Bayaran Tunggakan Dan Lain-Lain Bagi Tahun-Tahun Terdahulu Dalam Tahun Semasa**

- i. Termasuk gaji dan elaun yang dikenakan cukai bagi tahun lalu tetapi baharu diterima dalam tahun semasa;
- ii. Ditolak kutipan balik gaji dan elaun yang dikenakan cukai bagi tahun lalu (*wagetype* 4016 -Terima Balik Bayaran Tahun Lalu).

**C. Jumlah Potongan**

Potongan PCB, CP38, zakat yang dibayar melalui potongan gaji dan jumlah pelepasan bagi anak yang layak.

**D. Caruman Kepada KWSP dan PERKESO**

**E. Senarai Elaun/ Perkuisit/ Pemberian/ Manfaat Yang Dikecualikan Cukai Serta Amaun Masing-masing**

**E.1. Elaun Ada Potongan KWSP**

Contoh: Imbuhan Tetap Perumahan; Imbuhan Tetap Khidmat Awam; Bantuan Sara Hidup.

**E.2. Elaun Tiada Potongan KWSP**

Contoh: Imbuhan Tetap Keraian, Pemberian/ Bayaran Khas, Bayaran Insentif Wilayah.

**E.3. Pulangan Balik Elaun Tidak Bercukai**

Contoh: Pulangan Balik ITP Kuarters, Pulangan Balik BSH Kuarters, Pulangan Balik Imbuhan Tetap Keraian, Pulangan Balik Pemberian/ Bayaran Khas. Jumlah amaun akan ditunjukkan pada *EC Form* jika pulangan balik ada ditolak dari gaji kasar.

**Nota:** Elaun ada Potongan KWSP (E.1.) & Elaun Tiada Potongan KWSP (E.2.) ini diasingkan adalah sebagai rekod pegawai yang memilih Skim KWSP. **Pegawai yang memilih Skim Pencen boleh mengabaikan kategori tersebut.**

**Jumlah Elaun Yang Tidak Dikenakan Cukai = (E.1.) + (E.2.) - (E.3.)**

3. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrS Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai masing-masing. Setiap majikan masih perlu mengemukakan Borang E melalui aplikasi MyTax LHDN mulai **1 hingga 31 Mac 2026**. Adalah diingatkan bahawa tindakan penalti akan dikenakan sekiranya YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrS Dr./ Tuan/ Puan gagal menghantar Borang E secara *e-Filing* dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Bagi mengisi borang E secara *e-Filing*, sila ke tab Cara Pengemukaan C.P.8D dengan memilih *dropdown* "**Melalui e-Data Prais/ e-C.P.8D**" seperti paparan di bawah:



Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**